

MEMARTABATKAN BAHASA DALAM KOMUNIKASI

TUHAN merahmati manusia dengan bahasa. Rahmat ini sangat tinggi nilainya kerana manusia berbahasa sepanjang kehidupannya. Pengkaji bahasa, **Noam Chomsky (1986)**, menjelaskan bahasa yang digunakan pada hari ini merupakan produk masyarakat pada masa lampau yang dipelihara rapi, dilindungi kesuciannya, dikembangkan pengaruhnya, serta diwariskan daripada satu generasi kepada generasi lain secara turun-temurun.

KAMUS Dewan Edisi Keempat terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendefinisikan bahasa sebagai sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia, iaitu antara seorang individu dengan individu yang lain. Komunikasi pula dapat ditakrifkan sebagai satu proses perpindahan maklumat, perasaan, idea, dan fikiran seseorang individu atau sekumpulan individu dalam kehidupan harian.

Bahasa dan komunikasi umpama irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan selamanya. Jika bahasa dikenali sebagai medium, komunikasi pula dapat diklasifikasikan sebagai proses. Medium dan proses saling berhubung mewujudkan interaksi dua hala di sempadan linguistik dan komunikasi. Hal ini terbukti apabila manusia menggunakan bahasa untuk menentengahkan idea, meluaskan capaian gawang pemikiran dan menghujahkan pendapat. Namun demikian, satu hakikat yang tidak dapat disangkal termasuklah bahasa bukanlah satu-satunya medium komunikasi manusia. Hal ini disebabkan oleh komunikasi juga terbentuk melalui lisan, tulisan, gerak-geri, bahasa isyarat, sentuhan dan hubungan mata. Peredaran zaman menyaksikan banyak istilah baharu bahasa dicipta dan

diaplikasikan dalam kehidupan harian masyarakat. Hal ini membuktikan bahasa sebagai warisan yang bersifat hidup kerana bahasa sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman.

Bahasa juga merupakan identiti dan budaya sesebuah negara. Terdapat kepelbagaian bahasa dari segi aksen, dialek dan loghat dalam sesebuah negara. Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan menjadi bahasa pertuturan harian dan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa kedua. Di Amerika Syarikat pula, bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi dalam pertuturan harian mereka. Oleh itu,

masyarakat perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran menguasai pelbagai bahasa, khususnya dalam bahasa Inggeris bagi memudahkan proses komunikasi dalam pelbagai bidang.

Terdapat tiga dimensi komunikasi silang budaya, iaitu identifikasi kelompok budaya, konteks interaksi dan saluran komunikasi. Dalam konteks komunikasi silang budaya, perlu ada kesedaran terhadap kepentingan budaya negara lain. Kita perlu memastikan perkongsian nilai, interaksi, dan komunikasi menjadi lebih mudah dan berkesan. Terdapat tiga trend masa ini yang menjadikan komunikasi silang budaya menjadi penting, seperti globalisasi pasaran, pengangkutan canggih dan

Kita tidak boleh mengelak daripada berbual setiap hari.

kemajuan teknologi serta tenaga kerja pelbagai budaya.

Dari segi disiplin ilmu, komunikasi silang budaya ialah bidang kajian ilmu komunikasi yang menekankan perbandingan bentuk atau pola komunikasi antara peserta komunikasi berbeza budaya. Ilmu berasal daripada perspektif antropologi sosial dan budaya ini memberikan kefahaman mendalam tentang perilaku komunikasi, berdasarkan budaya tertentu dengan menunjukkan perbezaan dan persamaannya. Keperluan memartabatkan bahasa Melayu wajar dengan memahami komunikasi silang budaya yang sangat penting supaya setiap kaum menjadi semakin terbuka dari segi penerimaan dan pergaulan sesama kita.

Bahasa, fikiran, dan perasaan saling bergerak di landasan yang sama. Ahli falsafah Yunani, Aristotle menterjemahkan bahasa sebagai alat merakamkan fikiran dan perasaan manusia. Fikiran dan perasaan menjadi sumber primer yang melahirkan komunikasi manusia. Bahasa lahir daripada perasaan manusia. Perasaan manusia berperanan sebagai ejen utama yang mencetuskan pelbagai pola variasi bahasa dalam fikiran manusia. Pendapat Aristotle ini disokong oleh Leonard Bloomfield dalam bukunya yang berjudul *Language*. Menurutnya, bahasa sebagai lambang bunyi yang digunakan oleh manusia untuk berinteraksi. Interaksi akan mewujudkan cetusan perasaan seperti gembira, sedih, hampa dan kecewa. Wilhelm von Humboldt, ahli falsafah, pakar bahasa, dan ahli linguistik dari Jerman berpendapat bahawa bahasa mempunyai dua bentuk. Bentuk luaran bahasa dikenali sebagai gabungan dan bentuk dalaman yang digelar sebagai fikiran. Kedua-dua bentuk ini bekerjasama membentuk interaksi melalui komunikasi.

Bahasa yang menjadi medium komunikasi manusia banyak digunakan untuk berkomunikasi secara lisan atau tulisan. Pemilihan bahasa seharusnya sesuai dengan konteks perbualan dan penulisan. Laras bahasa yang digunakan mestilah sesuai dengan konvensi sosial dan situasi sosial. Pemilihan laras bahasa yang tepat akan memudahkan penyampaian dan pemahaman sesuatu informasi ketika berkomunikasi. Menurut Halliday (1964) tiga pemboleh ubah yang menentukan laras bahasa termasuklah

Pemilihan
laras bahasa
yang tepat akan
memudahkan
penyampaian dan
pemahaman sesuatu
informasi ketika
berkomunikasi.

bidang, tenor dan mod. Bidang merujuk apa-apa yang diperkatakan, tenor ialah penutur yang memperkatakan sesuatu dan mod ialah saluran komunikasi sama ada tulisan ataupun lisan. Ketiga-tiga laras ini menjadi pelengkap sesuatu proses komunikasi.

Menurut Owen (1990) komunikasi itu ialah proses seseorang itu bertukar maklumat dan bertukar idea. Pengirim dan penerima maklumat saling bertukar maklumat dalam dua hala. Maklumat itu diterima dan saling memahami.

Komunikasi lisan dikenali sebagai komunikasi pertuturan. Menurut Mohd. Baharuddin dan Mohd. Khari (2006), komunikasi lisan mengukuhkan sesuatu informasi melalui penegasan perkara yang ingin disampaikan secara lisan. Komunikasi lisan melibatkan mulut. Abdul Mu'ati Ahmad (1994), menegaskan komunikasi tanpa lisan ialah penutur menggunakan kepala, mata, tangan, badan, suara dan mimik muka ketika berkomunikasi. Perbualan telefon, perbualan bersemuka dengan ahli keluarga, ucapan di hadapan khalayak dan pembentangan dalam seminar adalah beberapa bentuk komunikasi lisan yang menggunakan mulut.

Komunikasi lisan merupakan medium terbaik untuk menyampaikan sesuatu maklumat dengan pantas. Selain itu, melalui komunikasi lisan seseorang penutur dapat memperoleh maklumat dengan pantas daripada pendengar. Seterusnya, komunikasi lisan secara bersemuka membuka peluang

kepada pendengar menilai keikhlasan di balik kata yang disampaikan oleh penutur. Lazimnya, bahasa dalam komunikasi lisan dipengaruhi oleh latar belakang penutur, status, topik yang dibincangkan, dan hubungan penutur dengan pendengar. Penggunaan laras bahasa penting dalam komunikasi lisan agar maksud yang ingin disampaikan oleh penutur mudah difahami oleh pendengar.

Komunikasi tulisan merujuk proses penyampaian pesanan komunikasi dalam bentuk penulisan. Kebaikan komunikasi tulisan termasuklah komunikator dapat mengawal pesanan yang disampaikan dengan mengedit dan mengubah suai sesuatu pesanan yang telah ditulis. Selain itu, pesanan komunikator dapat didokumentasikan untuk rujukan pada masa hadapan. Komunikasi tulisan digunakan untuk menyampaikan pesanan kepada kelompok masyarakat yang ramai. Di samping itu, komunikasi tulisan juga digunakan untuk menyampaikan pesanan dalam bentuk angka, graf dan gambar.

Begitu juga, kesantunan bahasa bermaksud kesopanan dalam penggunaan bahasa ketika berkomunikasi secara lisan atau tulisan. Leech (1983), menjelaskan kesantunan bahasa sebagai perlakuan yang mewujudkan dan mengekalkan pengiktirafan diri dalam sesuatu interaksi sosial. Menurut Asmah Haji Omar (2000), kesantunan berbahasa ialah penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kekusaran, kemarahan dan rasa tersinggung pihak pendengar. Kesantunan bahasa menunjukkan penggunaan bahasa yang betul, baik, bersopan, dan beradab ketika berkomunikasi. Kesantunan bahasa dapat membentuk persepsi baik pendengar terhadap pembicara. Selain itu, kesantunan bahasa dalam komunikasi juga mengeratkan silaturahim untuk mewujudkan perasaan hormat-menghormati antara dua pihak yang berkomunikasi.

Kesimpulannya, bahasa merupakan medium penting dalam komunikasi manusia. Penguasaan bahasa yang baik menjadikan proses komunikasi lancar dan objektif sesuatu komunikasi tercapai sepenuhnya. Bahasa menjadikan proses perkongsian informasi, pendapat dan perasaan daripada individu kepada individu lain lebih jelas dan sempurna. **PB**